

## RUMUSAN (30 MARKAH)

Baca petikan dan teliti yang disertakan di bawah, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

### Bahan 1 – Petikan

Membina kerjaya dalam bidang keguruan memerlukan pengorbanan besar. Bayangkanlah, seorang guru perlu berhadapan dengan pelbagai cabaran dan bukan semata-mata untuk memenuhi petunjuk prestasi utama (KPI) masing-masing. Hal ini demikian kerana guru merupakan penggilap potensi murid dalam memastikan setiap anak didiknya mempunyai, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin dan mengamalkan nilai murni serta bersedia dalam menghadapi cabaran pada abad ke-21.

Jika pada dekad 60-an, cabaran terbesar guru adalah untuk memastikan anak muridnya datang ke sekolah kerana pada ketika itu, ramai yang takut untuk ke sekolah. Selain itu, guru juga harus memberikan kesedaran kepada ibu bapa akan kepentingan pendidikan di samping memastikan anak murid lancar membaca dan mencapai tahap pembelajaran di sekolah. Keadaan tersebut sudah berbeza pada abad ke-21 apabila guru pada hari ini pula perlu berlumba mengejar kemajuan pendidikan agar selari dengan kemajuan teknologi. Anak murid pada hari ini tidak lagi sama dengan anak murid pada zaman ibu dan bapa kita dibesarkan. Anak murid yang lahir pada hari ini

mempunyai daya fikir yang lebih mencabar. Oleh hal yang demikian, guru hendaklah menyesuaikan diri dengan teknik pengajaran dan pembelajaran masa ini memandangkan murid pada hari ini boleh mengakses maklumat di mana-mana dan pada bila-bila masa sahaja.

Para guru pada abad ini tidak boleh hanya bergantung sepenuhnya pada teknologi semata-mata sebaliknya guru perlu mengajar murid supaya mereka mudah beradaptasi dengan pelbagai perubahan dan memahami bagaimana sesuatu perkara itu berfungsi. Sejalan dengan ledakan teknologi, guru kini harus lebih kreatif dan inovatif dalam memastikan murid-murid sentiasa berfikir di luar kotak yang berbeza daripada kebiasaan. Oleh itu, sebagai murid, kita mestilah menghargai jasa guru yang telah berkorban masa dan tenaga untuk memastikan kita berjaya dengan cara berterima kasih atas penat lelah guru-guru di samping melaksanakan setiap tugas yang diberikan serta memberi perhatian ketika guru mengajar di dalam kelas. Sesungguhnya, besar jasa mereka kepada kita.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Cikgu, Jasamu  
Kusimpan di Hati Nurani



## JAWAPAN

**LANGKAH 1 : Menganalisis soalan berpandukan bahan-bahan yang diberikan**

**BAHAN 1**

FOKUS 1 : \_\_\_\_\_

FOKUS 2 : \_\_\_\_\_

**BAHAN 2**

FOKUS 1 : \_\_\_\_\_

**LANGKAH 2 : MENULIS PENDAHULUAN RUMUSAN**

Rumusan membincangkan .... **FOKUS 1** dan **FOKUS 2** .... (dalam bahan 1 shj)

---



---



---

**LANGKAH 3 : Menulis isi-isi berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2**

(i) Isi **Bahan 1 – Petikan : FOKUS 1** (cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru dalam mendidik)

S1	
S2	
S3	
S4	
S5	
S6	
S7	

(ii) Isi **Bahan 1 – Petikan : FOKUS 2**(Cara-cara menghargai jasa guru)

S1	
S2	
S3	

(iii) Isi **Bahan 2 – Grafik: FOKUS 2**(Cara-cara menghargai jasa guru)

S1	
S2	
S3	

**LANGKAH 4 : Menulis kesimpulan**



Bina satu ayat yang mempunyai dua unsur, iaitu **cadangan** (*siapa, buat apa*) + **harapan** (*untuk apa*). Gunakan kata hubung ( agar @ supaya

---

---

---

---